



TERENGGANU DARUL IMAN
TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

Tr. P.U. 5/89
UNDANG-UNDANG KECIL
PENGENDALI MAKANAN
(MAJLIS DAERAH SETIU) 1988

Tarikh penyiaran :
Tarikh mula berkuatkuasa :

18 Mei 1989
18 Mei 1989



TERENGGANU DARUL IMAN
TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Tr. P.U. 5/89

UNDANG-UNDANG KECIL PENGENDALI MAKANAN (MAJLIS
DAERAH SETIU) 1988

Tarikh penyiaran : 18 Mei 1989
Tarikh mula berkuatkuasa : 18 Mei 1989

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

- Undang-undang kecil 1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.
Undang-undang kecil 2. Tafsiran.
Undang-undang kecil 3. Bekalan air.
Undang-undang kecil 4. Kebersihan tempat-tempat yang digunakan untuk persediaan dan penjualan makanan.
Undang-undang kecil 5. Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk dan sebagainya.
Undang-undang kecil 6. Penjualan makanan yang kotor dilarang.
Undang-undang kecil 7. Kebersihan pengendali makanan.
Undang-undang kecil 8. Orang-orang yang dilarang mengendali makanan.
Undang-undang kecil 9. Penggunaan sewajarnya kain bagi maksud membersihkan.
Undang-undang kecil 10. Tempat-tempat yang dilarang bagi jualan atau pesediaan makanan.
Undang-undang kecil 11. Bekas simpanan yang dilarang.
Undang-undang kecil 12. Kecemaran makanan.

- Undang-undang kecil 13. Persediaan dan penjualan makanan di atas permukaan tanah.
- Undang-undang kecil 14. Perkakas-perkakas.
- Undang-undang kecil 15. Pengendalian makanan.
- Undang-undang kecil 16. Pengangkutan makanan.
- Undang-undang kecil 17. Pemeriksaan perubatan.
- Undang-undang kecil 18. Penalti.

P N M B

P N M B

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 73(c) (ii) Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], majlis Daerah Setiu membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak berkuasa Negeri mengesahkan, Undang-Undang kecil yang berikut:

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan mula berkuatkuasa.

(1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Setiu) 1988** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Setiu sahaja.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

2. Tafsiran.

Dalam Undang-Undang Kecil ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“jualan” atau “jual” termasuklah barter dan pertukaran, dan jуда termasuk tawaran atau percubaan untuk menjual atau menyebabkan atau membenarkan untuk dijual, atau didedah bagi jualan, atau menerima atau menghantar atau menyerahkan bagi jualan, atau membekal apa-apa makanan di mana balasan akan diterima oleh pembekal bagi pembekalan sama ada secara khusus atau sebagai sebahagian dari perkhidmatan yang dikontrakkan, atau ada dalam miliknya untuk jualan, atau ada dalam miliknya apa-apa makanan yang ia ketahui bahawa itu berkemungkinan akan dijual atau ditawarkan atau didedah untuk jualan, dan berkaitan hanya dengan jualan bagi penggunaan atau pemakaian manusia;

“makanan” termasuklah tiap-tiap benda yang dijadikan makanan atau minuman oleh manusia atau yang masuk ke dalam atau di gunakan di dalam komposisi taua penyediaan apa-apa benda tersebut dan termasuklah juga bahan pewarna dan perasa dan rempah-rempah perasa, tetapi tidak termasuk—

- (a) benda atau bahan yang digunakan hanya sebagai dadah;
- (b) binatang atau burung yang hidup; atau
- (c) fodder atau barang makanan bagi binatang, burung atau ikan.

"penyediaan" termasuklah pengilangan, pembungkusan, penyerahan, pengangkutan, simpanan dan menghidangkan makanan dan "menyediakan" hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Setiu dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

3. Bekalan air.

Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyediakan bagi jualan makanan boleh menggunakan bagi apa-apa maksud mengeni trednya—

(a) mana-mana air selain daripada air dari paip yang di sambung kepada saluran besar daripada bekalan air awam; atau

(b) mana-mana air paip atau lain punca di mana tandas persendirian atau awam atau lain-lain kemudahan.

4. Kebersihan tempat-tempat yang digunakan untuk persediaan dan penjualan makanan.

(1) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau penyediaan bagi menjual makanan hendaklah pada setiap masa menyenggara tempat yang digunakan bagi penjualan atau penyediaan itu dalam keadaan yang bersih.

(2) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau penyediaan bagi menjual apa-apa makanan hendaklah juga menjaga kebersihan mana-mana lebu, lorong atau kawasan lapang yang hampir sekali di hadapannya, di belakangnya atau di tepi-tepi tempat yang digunakan bagi penjualan atau penyediaan itu dalam keadaan yang bersih dan bebas dari himpunan bahan-bahan berbahaya atau mengganggu, atau sampah, kotoran atau lain-lain bahan atau benda yang dibuang olehnya.

5. Makanan hendaklah disimpan jauh daripada habuk dan sebagainya.

Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau penyediaan bagi penjualan apa-apa makanan hendaklah pada setiap masa menyimpan makanan dan semua bekas, perkakas, kenderaan, barang-barang, alat, alat-alat tred, kerusi meja, pasangan, jentera dan lain-lain peralatan yang digunakan bagi atau berhubung dengan makanan itu bersih dan bebas dari kotoran dan habuk, bau busuk, kutu dan lalat atau lain-lain serangga.

6. Penjualan makanan yang kotor dilarang.

- (1) Tiada seorang boleh menjual apa-apa benda makanan yang tidak bersih atau mengandungi apa-apa jirim yang asing kepada jenis makanan itu.
- (2) Tiada seorang boleh menjual atau membungkus untuk dijual apa-apa benda makanan dalam bungkusan yang tidak bersih.

7. Kebersihan pengendali makanan.

- (1) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau penyediaan makan untuk dijual hendaklah, apabila berbuat demikian, menyenggara pakaiannya dan badannya dalam keadaan bersih.
- (2) Tiap-tiap orang yang bekerja dalam penjualan atau penyediaan apa-apa makanan untuk dijual hendaklah, pada setiap kali sebelum memulakan penjualan atau penyediaan, atau selepas menggunakan mana-mana tandas, atau lain-lain tempat membuang air kecil atau besar dan sebelum memulakan penjualan atau penyediaan membasuh tangannya dengan sabun dan air yang bersih.
- (3) Tiada seorang boleh meludah, membuang hingus daripada hidung, menghidu atau menggunakan tembakau atau bahan sedutan atau mana-mana lain persediaan atau mengunyah tembakau atau buah pinang semasa membuat penjualan atau penyediaan bagi jualan apa-apa makanan.
- (4) Tiada seorang yang mempunyai luka atau pecah kulit di tangan atau di jari boleh bekerja dalam penjualan atau penyediaan bagi jualan makanan melainkan luka atau pecah kulit itu dibalut rapi dengan balutan tahan air.

8. Orang-orang yang dilarang mengendali makanan.

Tiada seorang—

- (a) yang mengidap penyakit yang berjangkit;
- (b) yang membawa apa-apa penyakit yang merebak;

(c) yang mengidap apa jua penyakit yang menyebabkan keluarnya nanah atau serum dari mana-mana bahagian badan atau lain-lain penyakit kulit;

(d) yang mempunyai sebab mempercayai atau mengesyaki bahawa ia berkemungkinan menyebarkan organisma yang membiakkan penyakit; atau

(e) yang ada membuat perhubungan dan sentuhan dengan mana-mana orang yang mengidap penyakit yang merebak;

boleh bekerja dalam penjualan atau penyediaan bagi jualan apa-apa benda makanan atau apa-apa benda yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai makanan atau apa-apa bahan yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai pembalut atau bekas bagi makanan.

9. Penggunaan sewajarnya kain bagi maksud membersihkan.

Tiada seorang boleh menggunakan bagi maksud mengelap atau membersihkan atau mengilat apa-apa makanan bagi jualan atau apa-apa bungkusan atau alat yang digunakan berhubung dengannya apa-apa kain buruk atau kain selain daripada penyapu habuk atau kain yang wajar disimpan semata-mata bagi maksud itu, dan yang disenggarakan oleh setiap masa dalam keadaan bersih.

10. Tempat-tempat yang dilarang bagi jualan atau persediaan makanan.

(1) Tiada seorang boleh menjual atau menyediakan bagi jualan apa-apa benda makanan di dalam mana-mana kandang, atau tandas atau di mana-mana tempat yang bila-bila masa digunakan untuk tidur atau yang dihubungkan terus dengan ruang tidur atau mana-mana kandang, tandas atau di mana-mana tempat yang apa-apa binatang atau burung dibenarkan berada.

(2) Tiada seorang boleh menjual atau menyediakan bagi jualan apa-apa benda makanan di mana-mana tempat di mana apa-apa benda, binatang atau burung disimpan atau apa-apa kerja dijalankan yang kerananya benda itu boleh tercemar atau keadaan baik atau kebersihannya terjejas.

(3) Tiada seorang boleh meletak, menyimpan, membawa, penyibar, atau menggunakan atau menyebabkan diletak, disimpan, dibawa, disibar, atau digunakan di mana-mana tempat yang digunakan untuk jualan atau penyediaan bagi jualan apa-apa makanan, apa-apa racun atau apa-apa jirim yang merbahaya atau mengganggu atau apa-apa lain bahan yang mungkin mencemar keadaan baik makanan itu; tetapi tiada apa-apa di dalam ini boleh menahan penggunaan betul semburan campuran yang mengandungi racun bagi maksud mengawal serangga-serangga atau lain-lain haiwan perosak.

11. Bekas simpanan yang dilarang.

(1) Tiada seorang boleh memasuk, membawa atau menyimpan apa-apa benda makanan untuk jualan dalam mana-mana beg, karung atau bekas yang serupa yang mana pada bila-bila masa mengandungi, atau telah digunakan untuk mengisi apa-apa racun, bahan yang merbahaya atau apa-apa bahan yang boleh menyebabkan makanan itu menjadi tidak baik atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia.

(2) Tiada apa-apa peti, bakul atau lain-lain bekas yang tidak bersih boleh digunakan untuk mengisi atau menyediakan apa-apa benda makanan bagi jualan.

12. Kecemaran makanan.

(1) Tiada seorang boleh meletakkan apa-apa makanan bagi jualan atau mana-mana bungkusan yang mengandungi makanan bagi jualan hingga tersentuh dengan apa-apa plastic, logam atau lain-lain objek, benda atau bahan untuk dijual atau diberi kepada pembeli ketika jualan makanan kecuali objek, benda atau barang itu ditutupi sepenuhnya dalam suatu pembungkusan yang dibuat dari bahan yang tidak mencemarkan makanan itu dan yang tidak mengandungi bahan yang mungkin diserap oleh, atau ada kemungkinan meresap ke dalam makanan dan tiada seorang boleh meletakkan apa-apa benda atau bahan sedemikian dalam apa-apa makanan dengan sebegitu cara hingga ianya bercampur atau diliputi dengan makanan itu.

(2) Tiap-tiap orang yang menjual apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah menjaga makanan itu, sehingga ianya diserahkan kepada seseorang pembeli, dengan menyimpan dalam bekas tertutup atau dengan lain cara yang berkesan.

(3) Tiada seorang boleh membawa untuk jualan apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual kecuali ianya dibungkus atau diletak di dalam bekas atau lain-lain bungkusan yang khas dibentuk bagi menghindar benda makanan itu dari tercemar.

(4) Tiada seorang boleh membawa, meletak atau menyimpan atau membenarkan untuk dibawa, diletak atau disimpan dalam mana-mana kenderaan yang digunakan bagi membawa apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, mana-mana kotoran, benda yang mengganggu atau lain-lain bahan yang mungkin mencemar keadaan baik atau kebersihan benda makan yang dibawa di dalamnya.

(5) Tiada seorang boleh mengguna berkaitan dengan penjualan atau penyediaan bagi jualan apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, apa-apa kertas yang terdapat bahan tulisan atau detakan di atasnya mengikut apa jua cara di mana makanan itu boleh tersentuh dengan bahan tulisan atau cetakan itu.

(6) Tiada seorang boleh menjual apa-apa benda makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual, yang telah jatuh, diletak atau disimpan atas mana-mana kaunter, bar atau lantai kecuali ianya dijaga atau dibungkus supaya terhindar benda makanan itu dari kemungkinan tercemar.

13. Persediaan dan penjualan makanan di atas permukaan tanah.

Tiada seorang boleh menjual atau menyediakan bagi jualan apa-apa makanan di mana-mana premis, jalan atau lain-lain kawasan lapang yang tingginya rendah daripada 0.4572 meter dari atas permukaan tanah bagi premis, jalan atau kawasan lapang itu.

14. Perkakas-perkakas.

(1) Tiada seorang boleh mengguna untuk menghidang makanan bagi jualan apa-apa perkakas makanan atau minuman yang tidak dicuci selepas penggunaan yang terakhir sama ada atau tidak perkakas itu diberi kepada orang yang sama yang sebelum itu menggunakan perkakas tersebut.

(2) Tiada seorang boleh mengguna atau terdapat dalam miliknya untuk kegunaan bagi jualan atau penyediaan bagi jualan apa-apa makanan, apa-apa bekas minuman, pinggan, piring atau lain-lain bekas simpanan yang sumbing, pecah atau retak.

15. Pengendalian makanan.

(1) Tiap-tiap orang yang menjual atau menyediakan untuk jualan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah jangan semasa penjualan atau persediaan itu-

(a) memegang atau membenar dipegang apa-apa makanan dengan jari-jarinya tetapi hendaklah menggunakan sepit penyeduk atau lain-lain perkakas yang sesuai bagi tiap-tiap maksud itu; dengan syarat orang-orang yang tertentu atau kelas orang yang tertentu boleh dikecualikan atas kelulusan bertulis oleh Yang Dipertua;

(b) mengguna jari-jarinya ke mulut, mata, telinga, hidung atau kulit kepala semasa melakukan pembungkusan atau penghudangan itu;

(c) mengguna nafasnya untuk membuka mana-mana beg atau pembalut;

(d) mengesat tangannya ke atas pakaiannya dengan apa-apa cara selain dengan tuala atau kain yang bersih;

(e) meletak, sehingga menyentuh makanan bagi jualan, apa-apa bahan, atau benda yang tidak bersih atau mungkin mencemar makanan itu, atau yang telah disentuh dengan mulut; atau

(f) batuk atau bersin berhampiran mana-mana makanan.

(2) Sepit penyenduk atau lain-lain perkakas yang sesuai bagi mengendalikan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual hendaklah dibersihkan selalu dan sentiasa bebas dari pencemaran.

(3) Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa makanan boleh menyentuh kepada mulut apa-apa alatan yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau penyediaan itu.

(4) Tiada seorang yang bekerja menjual atau menyedi bagi jualan apa-apa makanan yang biasa dimakan dalam keadaan ianya dijual boleh membawa apa-apa alatan atau alat yang digunakan untuk atau berkaitan dengan jualan atau penyediaan itu dengan cara yang boleh menjejaskan keadaan baik, kebersihan atau kebebasan makanan itu dari pencemaran.

16. Pengangkutan makanan.

(1) Tiada seorang boleh mengguna mana-mana kereta, pengangkutan atau bekas yang tidak bersih bagi membawa atau menghantar apa-apa makanan untuk jualan.

(2) Tiada seorang boleh menggunakan apa-apa kereta, pengangkutan atau bekas bagi membawa atau mengisi apa-apa binatang, burung atau lain-lain benda atau bahan di mana keadaan baik, kebersihan atau kebebasan dari pencemaran apa-apa makanan bagi jualan yang dibawa atau diisi atau iasa dibawa atau diisi dalam kereta, pengangkutan atau bekas yang boleh mungkin terjejas.

17. Pemeriksaan perubatan.

(1) Mana-mana orang yang bekerja menjual atau menyedia bagi jualan apa-apa benda makanan boleh dikehendaki oleh Yang Dipertua menjalani pemeriksaan perubatan tentang kelayakannya untuk menjalankan pekerjaan demikian.

(2) Pemeriksaan itu hendaklah dijalankan oleh mana-mana pegawai perubatan atau kesihatan berkelayakan yang dilantik sama ada secara am atau khusus oleh Yang Dipertua.

(3) Jika mana-mana orang setelah diperiksa didapati oleh pegawai perubatan atau kesihatan mengidap penyakit berjangkit atau infeksi atau apa-apa penyakit kulit yang merbahaya atau pada pendapat pegawai perubatan atau kesihatan kemungkinan merupakan punca infeksi, Yang Dipertua hendaklah serta merta melucutkan kelayakan orang yang diperiksa itu daripada bertugas atau bekerja di mana-mana tempat yang digunakan bagi menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa makanan sehingga kesuatu masa yang disahkan oleh pegawai perubatan atau kesihatan bahawa ia telah sembuh atau kemungkinan tiadak lagi menjadi punca infeksi.

(4) Mana-mana orang—

(a) yang enggan menjalani pemeriksaan perubatan bila diminta melakukan; atau

(b) yang mana, setelah diperiksa dan telah dilucutkan kelayakan;

meneruskan bekerja di mana-mana tempat yang digunakan bagi menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa benda makanan, adalah melakukan suatu kesalahan.

(5) Pemunya, pemegang lesen, penduduk atau penjaga mana-mana tempat yang digunakan bagi menjual atau menyedia untuk jualan apa-apa benda makanan, yang mana, setelah diberitahu secara bertulis oleh Yang Dipertua bahawa seseorang yang bekerja di tempat menjual atau penyediaan makanan telah enggan menjalani pemeriksaan perubatan atau, setelah diperiksa, dilucutkan kelayakan dari bertugas, membenarkan orang itu meneruskan bekerja di dalamnya atau tinggal di dalam kawasannya adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini.

18. Penalti.

Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali dan mengenai kesalahan yang berterusan sejumlah wang tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari dalam mana kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

Diperbuat oleh Majlis Dearah Setiu di dalam mesyuaratnya pada 3hb. April, 1988.
(MDS. 3/6/6 (1))

DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN MANSUR,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Setiu

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam Mesyuaratnya pada 5 Disember 1988.
[SUK. TR. 1200/365; PUN. TR. 70 Bhg. 3]

WAN ISA BIN LONG,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Terengganu

Copyrights Reserved ©

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in retrieval system or transmitted in any form or by any means electronic, mechanical, photocopying, recording and/or otherwise without the prior permission of Lawnet.



PRODUCED BY
LAWNET
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD